

Jalinan ukhuwah berkembang di hujung jari

Perintah membina silaturahmi bagi melancarkan urusan kehidupan manusia kerana manusia tidak boleh hidup sendirian, sebaliknya kena saling bergantung bagi melengkapkan keperluan masing-masing.

Rasulullah SAW bersabda: “Orang mukmin terhadap orang mukmin lain, tidak ubah bagaikan sebuah bangunan yang bahagian-bahagian menguatkan satu sama lain. Tanpa gandingan yang saling menyempurnakan, mustahil setiap mukmin mampu meneguhkan agama dan meluaskan syairnya.”

Ukhuwah tak kira darjat

Membina silaturahmi bukan sekadar mengucap salam kepada sesiapa saja yang kita temui. Ia juga tidak semudah berkirim salam kepada teman yang sudah lama tidak bertemu. Ukhuwah di bawah bumbung agama adalah kurniaan Allah SWT kepada Muslim tanpa mengira pangkat dan darjat.

Kemanisannya hanya dapat dirasai orang yang ikhlas melengkapkan kehidupan sesama manusia setelah menyempurnakan tanggungjawab yang wajib ditunaikan terhadap Allah SWT.

Silaturahmi yang kekal adalah yang tidak tercemar oleh noda, hasad dan iri hati serta saling menjatuhkan antara satu sama lain.

Kita kena tanamkan dalam diri apa yang ingin dilakukan ke arah kebaikan dan sentiasa mengharapkan bantuan daripada Allah SWT. Jika ada yang jelik, kita saling mengingatkan dengan cara paling baik tanpa menyakiti antara satu sama lain.

Hari ini, jalinan ukhuwah semakin mudah dengan adanya pelbagai medium untuk meneguhkan ikatan silaturahmi. Malah, hubungan yang jauh boleh didekatkan dengan perkembangan kemudahan teknologi kini.

Tanpa masa yang panjang dan modal yang banyak, kita boleh bertanya khabar dan tahu perkembangan hanya di hujung jari.

Paksi tauhid kepada Allah SWT

Namun, tidak dapat dinafikan bahawa medium yang sama juga boleh melonggarkan ikatan ukhuwah jika ia tidak dimanfaat dengan baik. Justeru, harus diingat ukhuwah mestilah berpaksikan ketauhidan kepada Allah SWT.

Lebih dari itu, ukhuwah adalah tunjang kepada kekuatan ummah jika berasaskan takwa dan syariat, malah silaturahmi menjauhkan manusia dari hasad dengki dan fitnah. Ukhuwah juga boleh menguatkan hubungan dengan Allah SWT kerana ukhuwah menjadikan akhlak manusia lebih baik.

Tetapi jika ukhuwah menjadi taruhan demi melampiaskan nafsu jahat, ukhuwah bukan saja merenggangkan hubungan dengan Allah, juga memisahkan kasih sayang sesama manusia.

Jangan menganiaya

Rasulullah SAW bersabda: “Bahawa seorang Muslim itu menjadi saudara seorang Muslim lainnya, kerana itu tidak diperbolehkan seorang Muslim itu menganiaya saudara Muslim lainnya. Juga tidak boleh seorang Muslim itu menghina saudara Muslim lainnya. Dan barang siapa memberikan pertolongan yakni memenuhi hajat keperluan saudaranya, maka Allah pun memenuhi dan menyelesaikan segala keperluan hajatnya dan barang siapa yang memberikan kemudahan atau memberikan kelapangan bagi kesusahan seorang

Muslim, nescaya Allah melapangkan kesusahannya di hari Kiamat.”

Asas masyarakat harmoni

Ukhuwah melengkapkan keperluan manusia dan boleh menjadi asas pembinaan sebuah unit masyarakat harmoni. Alangkah indahnya sebuah keluarga sarat dengan rasa hormat dan kasih sayang, menjadi tunjang perpaduan dalam kerangka hubungan manusia yang lebih luas. Sekali gus menjadikan umat Islam kuat dan teguh mempertahankan saudara di bawah bumbung agama.

Firman Allah SWT: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah jadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan dan beramah mesra antara satu sama lain. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, bukan yang lebih keturunan atau bangsanya. Sesungguhnya Allah lebih Mengetahui lagi Maha Mendalam pengetahuannya akan keadaan dan amalan kamu.” (Surah Al-Hujurat, ayat 13)



**NIK SALIDA
SUHAILA**

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia